

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**
TARIKH : **KHAMIS, 19 MEI 2016**
RUJUKAN : **L4 [PR-1342-L75258]**
SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status penambahbaikan jalan raya dan perparitan Jalan Kapas dan apakah status jawatankuasa bertindak yang ditubuhkan bersama SYABAS, Alam Flora dan TNB.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengadakan lawatan tapak bersama-sama semua pihak terlibat termasuk TNB, Syabas, Alam Flora dan pihak pemaju iaitu Kapas Height Sdn. Bhd. serta penduduk Kondominium Contessa bagi mengenalpasti serta merangka program pembaikan jalan dan perparitan di lokasi terlibat.

Hasil dari lawatan tapak tersebut beberapa tindakan susulan telah diambil dan kini telah siap sepenuhnya. Antara tindakan tersebut adalah :

- (i) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membina siar pejalan kaki di hadapan Kondominium Contessa termasuk mempertingkatkan longkang serta bebendul jalan dan menurap bahagian-bahagian jalan yang mendap;
- (ii) pihak TNB telah mengambil tindakan untuk memastikan tiada kabel elektrik yang menghalang dan merosakkan sistem saliran di Jalan Kapas;
- (iii) pihak Alam Flora telah membuat pembersihan longkang dan memastikan tiada sebarang sekatan terhadap aliran air hujan; dan
- (iv) pihak pemaju telah mengganti longkang yang pecah untuk memastikan tiada resapan air ke dalam tanah yang boleh menyebabkan mendapan jalan atau membahayakan struktur bangunan berhampiran.

Dalam hal ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa membuat pemeriksaan di tapak untuk memastikan kejadian jalan mendap tidak berulang.